

19 APR 1998

Mahathir-Perancangan

PROJEK PEMBANGUNAN PERLU AMBIL KIRA KEPERLUAN JANGKA PANJANG

JOHOR BAHRU, 19 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu perancangan bagi sesuatu projek pembangunan dibuat untuk keperluan jangka panjang dan bukan sekadar mengambil kira keperluan semasa yang mendesak atau untuk tempoh jangka pendek.

Perdana Menteri hari ini berkata perancangan keperluan jangka panjang amat perlu bagi memastikan projek yang dilaksanakan itu tidak perlu diubahsuai atau ditambah beberapa tahun kemudian seperti yang banyak berlaku sekarang.

"Kalau kita buat pembangunan yang mengambil kira keperluan masa kini dan panjang, kita tidak perlu menambah infrastruktur itu (dalam tempoh yang singkat).

"Kita harus yakin pembangunan akan berkembang dengan pesat walaupun negara sedang mengalami kegawatan ekonomi tetapi kita perlulah kerja keras sedikit, InsyaAllah boleh capai," katanya ketika berucap merasmikan bangunan terminal baru Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Senai, dekat sini.

Perasmian bangunan terminal baru itu merupakan acara terakhir Perdana Menteri sempena lawatan kerja dua harinya ke Johor yang bermula semalam.

Sebagai contoh, Dr Mahathir berkata pembinaan lapangan terbang seperti di Senai dan Langkawi sebelum ini tidak mencukupi untuk menampung keperluan penumpang yang menggunakan lapangan-lapangan terbang itu kerana perancangannya hanya mengambil kira keperluan semasa.

Perdana Menteri berkata pembinaan sesebuah lapangan terbang sepatutnya mengambil kira keperluan jangka masa yang panjang seperti 20 tahun.

"Masalahnya sekarang, banyak projek pembangunan tidak mengambil kira pelan perancangan jangka panjang dan terpaksa diubahsuai selepas siap pembinaan dalam tempoh dua tahun," kata beliau.

Dengan itu, katanya, kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja lagi untuk memperbesarkan kedua-dua lapangan terbang itu sekarang dan kini, Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Senai mampu menampung keperluan untuk tempoh 20 tahun lagi.

Perdana Menteri turut meminta rakyat supaya bersedia membayar lebih sedikit jika ingin menggunakan kemudahan yang lebih canggih dan selesa.

"Zaman untuk mendapatkan kemudahan percuma sudah habis. Cukai yang dipungut tidak mencukupi untuk menyediakan segala keperluan itu," kata beliau.

Kerja-kerja pengubahsuaian dan pembesaran bangunan terminal itu bernilai RM85 juta. Lapangan terbang itu kini boleh menerima pendaratan pesawat jenis DC10.

-- BERNAMA

AH BH NAK